

Keluaran Khas Pendidikan

UPM kembali gemilang hasil gagasan semua fakulti

Oleh AZIMI MUSTAPHA

USAHA untuk mengembalikan kegemilangan Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai institusi pertanian seperti yang dikecapi-nya pada tahun 1970-an dan 1980-an perlu dibuat secara 'gagasan', kata Naib Canselornya, Profesor Dr. Nik Mustapha Raja Abdullah.

Dalam hal ini, menurutnya, ia perlu dibuat dengan kerjasama daripada semua fakulti di UPM dan bukan hanya memabatkan Fakulti Pertanian semata-mata.

Katanya, untuk maju dalam sektor pertanian dalam dunia globalisasi masa kini, kerjasama banyak pihak perlu demi mempertingkatkan hasil dan nilai tambah produk berasaskan pertanian.

"Bidang pertanian pada masa kini tidak boleh disamakan dengan tahun 1970-an dulu yang mana hanya melibatkan satu pihak sahaja.

"Kita sedang berusaha untuk mewujudkan rangkaian 'gagasan' berkenaan demi kemajuan bidang pertanian di negara ini," katanya kepada Utusan Malaysia ketika ditemui di pejabatnya, di Serdang baru-baru ini.

Menurutnya, bagi menjayakan misi tersebut, beliau akan meminta fakulti lain seperti teknologi makanan, bio-teknologi serta teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) untuk turut serta.

Sebagai contoh, jelasnya, Fakulti Teknologi Makanan boleh membantu dari segi memberi nilai tambah

kepada bahan-bahan berasaskan pertanian. "Mereka boleh menjalankan pelbagai kajian terbaru untuk menjadikan bahan makanan berasaskan pertanian lebih berdaya maju.

"Ini bermakna, mereka perlu memikirkan kaedah baru dan tidak tertumpu kepada hasil yang sedia ada seperti menghasilkan produk dalam bentuk jus," ujarnya.

Tambah Nik Mustapha, hasrat UPM untuk memperkasa bidang pertanian adalah selaras dengan permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mahukan semua pihak berusaha menjadikan bidang itu sebagai penjana ekonomi ketiga negara.

Katanya, Perdana Menteri menekankan pembangunan dan pembaharuan dalam bidang pertanian bagi membolehkan petani mengecapi kehidupan lebih baik.

Justeru, tegasnya, UPM kini ingin menjadi pelopor bagi mengubah mentaliti yang selama ini mengaitkan pertanian sebagai industri yang kurang berkembang maju.

Tegasnya, dalam hal itu, pihaknya akan lebih menumpukan perhatian dalam mencetuskan idea baru menerusi penyelidikan yang mampu mengubah pemikiran masyarakat terhadap bidang tersebut.

"Kita mahu suatu hari nanti, apabila bercakap tentang pertanian, orang ramai akan terbayangkan kerjaya yang boleh memberi pulangan lumayan," ujarnya.

Sebagai sebuah institusi pengajian dalam bidang berkaitan, katanya, UPM akan sentiasa meningkatkan kaedah penggunaan sains dan teknologi terkini



KEPELBAGAIAN teknologi menjadikan bidang pertanian lebih berdaya maju.

dalam setiap penyelidikan pertanian.

Menurutnya, hanya penyelidikan terkini yang dapat memajukan sektor pertanian di negara ini untuk membantu petani meningkatkan hasil pertanian.

"Sebagai contoh, kaedah bio-teknologi kini banyak membantu petani menghasilkan nilai tambah kepada hasil pertanian.

"Dalam hal ini, kita hanya menjalankan kajian dan selebihnya terpulung kepada agensi berkaitan untuk membantu petani di negara ini mempertingkatkan hasil pertanian," katanya.

UPM katanya, perlu mengekalkan identiti sebagai sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) yang terkenal dengan penyelidikan terbaik dalam bidang pertanian.

Dalam pada itu, Nik Mustapha berkata, UPM kini mempunyai banyak penemuan baru

dalam bidang bio-teknologi untuk dikomersialkan.

Katanya, apa yang menjadi 'kekangan' ialah setakat ini belum ada syarikat modal pelaburan yang berminat untuk menjadikannya sebagai produk yang menghasilkan pulangan lumayan.

Sehubungan itu, beliau berharap pada masa depan, akan ada syarikat yang tampil membuat pelaburan untuk mengkomersialkan penemuan baru hasil penyelidikan warga UPM.

Sementara itu, katanya, pada 23 Mei ini, UPM akan menyambut Perayaan Jubli Intan sempena 75 tahun penubuhannya.

Kata Nik Mustapha, pelbagai program menarik telah diatur bagi memeriahkan lagi acara sambutan yang dapat memberi manfaat kepada warga kampus dan juga masyarakat secara keseluruhannya.

Antara pengisian yang telah dirancang, jelasnya, ialah pembinaan 'Konservatorium Pertanian yang dirancang dibina di Taman Herbarium.

"Acara kemuncak sambutan ialah pelancaran perayaan oleh Sultan Selangor yang juga Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah," katanya.

Selain itu, beliau menjelaskan, pihaknya juga akan membina sebuah menara jam yang dikenali sebagai Warisan Budi Putra yang akan menjadi satu lagi mercu tanda baru kampus ini.

Katanya, kos pembinaannya diperoleh daripada sumbangan alumni dan warga kampus UPM sendiri.

Tegasnya, UPM mengekalkan moto 'Berilmu Berbakti' sebagai tema sambutan Jubli Intan bagi mencerminkan

betapa tinggi komitmen universiti terbabit untuk terus memberi sumbangan kepada penerokaan ilmu dan kemajuan manusia serta pembentukan kekayaan dan pembangunan negara.

Di samping itu, menurutnya, objektif sambutan Jubli Intan itu antara lain untuk menonjolkan kewibawaan UPM sebagai IPT yang banyak melahirkan graduan cemerlang dan berdaya saing.

Ia juga, katanya dapat menonjolkan pencapaian universiti tersebut dari aspek pengajaran, penyelidikan dan khidmat profesional sejak penubuhan Sekolah Pertanian pada tahun 1931 hingga kepada UPM hari ini.

Menyingskap sejarah penubuhan UPM akan membawa 'lamunan' ke tahun 1931 apabila Sekolah Pertanian ditubuhkan.

Namanya kemudian ditukar kepada Kolej Pertanian Malaya (1947) bagi mengikuti perkembangan pada waktu itu.

Selaras dengan kepesatan sektor pertanian sekitar tahun 1970-an, namanya sekali lagi ditukar kepada Universiti Pertanian Malaysia pada tahun 1971.

Bagaimanapun, bagi memenuhi kehendak semasa, ia ditukar pula kepada Universiti Putra Malaysia pada tahun 1997 sehinggalah sekarang.

Apa yang menarik ialah biarpun namanya telah ditukar beberapa kali, tetapi lokasi UPM tetap sama di kampus yang ada sekarang di Serdang.

Biarpun UPM kini sedang menggiatkan usaha untuk memperkasakan bidang pertanian, namun tidak pernah meninggalkan bidang-bidang lain seperti kejuruteraan, pengurusan ekonomi dan sebagainya.

PROF DR. NIK
MUSTAPHA RAJA
ABDULLAH

